

## Dasar Speak Up Pembekal

### Tujuan

Pembekal kita ialah keutamaan yang tertinggi di Woolworths Group. Inilah sebabnya kita berusaha mewujudkan suasana menyokong yang memastikan setiap orang berasa dihargai, dihormati dan diberi peluang berkembang maju. Untuk mendukung usaha ini, salah satu nilai teras kita ialah kita akan berlaku betul setiap kali, iaitu bertindak secara berintegriti, jujur dan amanah pada setiap masa. Jika anda nampak atau mengalami sesuatu yang tidak betul, penting anda berkata sesuatu.

Kami galakkan anda membangkitkan sebarang kekhuitiran kepada pengurus pembeli atau kategori anda. Walau bagaimanapun, kami faham bahawa anda mungkin tidak mahu membangkitkan masalah sebegini cara atas pelbagai sebab, antaranya:

- anda merasakan bahawa perbuatan membangkitkannya boleh mendatangkan akibat buruk;
- anda merasakan bahawa jika anda membangkitkannya melalui saluran tersebut, hal itu mungkin tidak ditangani secara objektif; atau
- hal itu sudah dibangkitkan melalui saluran tersebut tetapi anda rasa hal itu tidak diberi perhatian sewajarnya.

Perkhidmatan Speak Up Pembekal kita menawarkan pengantara bebas (di luar Woolworths Group) yang membolehkan anda membangkitkan hal-hal yang tersenarai di bawah ini.

### Siapa boleh menggunakan Speak Up Pembekal?

Perkhidmatan Speak Up Pembekal kita disediakan untuk mana-mana pembekal, kontraktor<sup>1</sup> atau pakar runding, termasuklah saudara-mara dan tanggungan mereka, yang menyediakan barang atau perkhidmatan kepada Woolworths Group di dalam dan juga di luar Australia. Kumpulan ini dirujuk sebagai ‘anda’ dalam dasar ini.

### Anda boleh menggunakan Speak Up Pembekal untuk apa?

Anda boleh menggunakan perkhidmatan Speak Up Pembekal untuk membangkitkan hal-hal serius yang anda rasa tidak sesuai dibangkitkan melalui saluran dalaman, termasuk kekhuitiran mengenai:

- Pelanggaran Tatakelakuan Makanan dan Barang Runcit
- Penipuan, penyogokan, pengubahan wang haram, rasuah, komisen rahsia, atau tingkah laku yang mengancam orang lain
- Risiko terhadap keselamatan manusia atau produk
- Pelanggaran undang-undang, termasuk pencurian serta amalan perdagangan yang menyekat, tidak berhati perut atau menghalang persaingan
- Pelanggaran Dasar Penyumberan Bertanggungjawab Woolworths Group
- Konflik kepentingan
- Keadaan hal ehwal yang tidak wajar atau salah laku sehubungan dengan Woolworths Group atau salah sebuah entiti yang berkait dengannya
- Penggunaan maklumat sulit secara tidak wajar
- Pelanggaran hak asasi manusia, misalnya isu-isu yang digariskan oleh Dasar Penyumberan Bertanggungjawab

<sup>1</sup> termasuk pekerja ladang, pengutip troli dan tukang cuci

Kekhuatiran yang anda bangkitkan hendaklah sahih dan berlandaskan asas yang munasabah. Sebelum menghubungi perkhidmatan Speak Up, anda harus mempunyai sebab yang munasabah untuk mengesyaki bahawa maklumat yang akan anda berikan itu menunjukkan bahawa salah satu hal di atas ini sedang atau telah berlaku.

Sesetengah hal yang tersenarai di atas ini mungkin juga berupa "hal yang perlu didedahkan" di bawah *Akta Perbadanan 2001* (Komanwel) (Akta Perbadanan) atau *Akta Pentadbiran Percukaian 1953* (Komanwel) (Akta Cukai). Jika begitu, dan anda memenuhi keperluan khusus, anda mungkin mendapat perlindungan tambahan di bawah undang-undang tersebut, dan laporan anda digelar "**pendedahan terlindung**". Pendedahan sedemikian tidak boleh dibuat melalui perkhidmatan Speak Up. Maklumat selanjutnya mengenai pendedahan terlindung dan cara membuatnya di Woolworths Group dinyatakan dalam Tambahan A (untuk Australia) dan Tambahan B (untuk New Zealand).

### **Kerahsiaan maklumat dan nama**

Terpulang kepada anda sama ada mahu merahsiakan ataupun mendedahkan identiti diri anda sewaktu (atau selepas) membuat laporan Speak Up atau pendedahan terlindung. Walau apa pun, sistem Speak Up, alamat e-mel yang tidak bernama atau nama samaran pilihan anda dapat menolong Woolworths Group mencari maklumat dan mendapatkan penjelasan selanjutnya daripada anda. Semasa perbualan itu, anda tidak perlu menjawab mana-mana soalan susulan jika anda merasakan bahawa jawapan itu boleh mendedahkan identiti diri anda. Dalam sesetengah keadaan, hal yang berkenaan mungkin sukar disiasat dan ditangani jika identiti pelapor dirahsiakan.

Maklumat yang anda berikan (termasuk identiti diri anda) akan disimpan dengan selamat di dalam sistem yang dikawal kemasukannya, dan tidak akan didedahkan tanpa persetujuan anda melainkan perlu untuk menguruskan dan menyiasat isu-isu yang dibangkitkan dalam laporan anda.

### **Apakah perlindungan yang anda dapat jika anda menggunakan Speak Up Pembekal?**

Jika anda menggunakan perkhidmatan Speak Up, kami terikat oleh kewajipan melindungi anda, antara lainnya daripada akibat buruk atau daripada dijadikan mangsa kerana membangkitkan sesuatu hal, di samping melindungi identiti dan menjaga kerahsiaan diri anda. Mana-mana pekerja yang mendedahkan identiti diri anda secara tidak wajar, ataupun menyebabkan diri anda terjejas, boleh dikenakan tindakan tatatertib, termasuklah dipecat.

Jika anda merasakan bahawa anda telah dijadikan mangsa kerana mengemukakan laporan Speak Up, anda boleh

- kemukakan laporan Speak Up yang baharu untuk tujuan ini,
- hubungi Pegawai Perlindungan Pemberi Maklumat (WPO) Woolworths Group, melalui alamat e-mel [WPOOfficer@Woolworths.com.au](mailto:WPOOfficer@Woolworths.com.au). WPO bertindak di luar proses penyiasatan, dan diperlengkapkan untuk mengkaji atau mengutarakan kekuatiran anda.

### **Proses pengendalian dan penyiasatan laporan**

Setelah laporan diterima, pemberi khidmat Speak Up dari luar Woolworths Group akan menilai laporan tersebut dan menyampaikan butir-butir yang berkenaan kepada Pengurus Speak Up di

Woolworths Group atau kepada wakilnya. Woolworths Group pula akan menilai laporan-laporan yang diterimanya untuk menentukan perlindungan, tahap keutamaan, kajian dan peruntukan penyiasatan yang sewajarnya.

Kami akan menyiasat laporan Speak Up Pembekal atau pendedahan terlindung jika maklumat yang secukupnya diberikan untuk mewajarkan penyiasatan. Matlamat sesuatu penyiasatan adalah untuk menentukan sama ada terdapat bukti yang mencukupi untuk menyokong hal-hal yang dilaporkan.

Penyiasatan akan mengikuti proses yang adil dan sewajarnya tanpa sikap berat sebelah.

Penyiasatan biasanya akan dijalankan oleh penyiasat yang tiada kaitan dengan perniagaan yang terlibat, dan akan memberi orang yang tertuduh peluang menjawab. Dalam sesetengah keadaan, penyiasat dari luar Woolworths Group akan digunakan (contohnya kerana mungkin ada konflik kepentingan atau kerana pangkat orang yang terlibat).

Tempoh penyiasatan formal bergantung pada keadaan, misalnya bilangan dakwaan, saksi dan faktor-faktor lain.

Jika pendedahan terlindung disiasat, syarat-syarat kerahsiaan Akta Perbadanan dan Akta Cukai akan dikenakan, seperti yang diterangkan dalam Tambahan A.

Pengurus Speak Up di Woolworths Group atau pemberi khidmat Speak Up dari luar akan memperakui penerimaan laporan anda dan menyampaikan maklumat terkini tentang perkembangannya dari semasa ke semasa. Jenis maklumat terkini ini akan bergantung pada keadaan. Contohnya, kami tidak akan memberikan maklumat yang boleh menjelaskan penyiasatan atau yang akan mendedahkan maklumat sulit. Anda akan diberitahu apabila penyiasatan selesai tetapi anda tidak akan menerima butir-butir secara rutin mengenai hasil siasatan setiap dakwaan anda.

Sesiapa sahaja yang terlibat dengan penyiasatan, sama ada sebagai penyiasat, saksi atau pembuat keputusan, mesti menganggap maklumat yang berkait dengan penyiasatan sebagai sulit.

## **Urus tadbir**

- Ketua Pegawai Undang-undang (CLO) menyelia program Speak Up Pembekal untuk memastikan keobjektifannya dan kajian yang bebas. Pematuhan Kumpulan melaporkan dan memberikan nasihat tentang kedudukan dan jenis isu yang dibangkitkan.
- CLO, Ketua Pegawai Manusia (CPO) dan para pemimpin kanan yang lain, termasuk wakil daripada bahagian Pematuhan Kumpulan menganggotai Jawatankuasa Urus Tadbir Speak Up. Jawatankuasa ini bermesyuarat sekurang-kurangnya setiap enam bulan untuk mengkaji keberkesanan perkhidmatan ini agar ketekalan proses dan hasil dapat dijamin, dan membuat saranan yang berkenaan.
- Dasar ini ialah dasar pendedahan maklumat Woolworths Group Limited untuk tujuan Akta Perbadanan 2001. Dasar ini merangkumi semua badan korporat yang berkaitan seperti yang tertakrif oleh Akta tersebut.
- Dasar ini akan disiarkan pada laman web Woolworths Group dan dikaji semula dari semasa ke semasa.

## Tempat mendapatkan maklumat selanjutnya

Untuk mendapatkan maklumat selanjutnya mengenai Speak Up, pergi ke ruangan ‘penyelesaian isu’ pada hab rakan kami, iaitu [partnerhub.woolworthsgroup.com.au](http://partnerhub.woolworthsgroup.com.au).

Jika anda ingin mendapatkan maklumat tambahan sebelum mengemukakan laporan formal, termasuk nasihat selanjutnya mengenai pendedahan terlindung yang disebutkan di dalam Tambahan, anda boleh menghubungi Pegawai Perlindungan Pemberi Maklumat (WPO) Woolworths Group, melalui alamat e-mel [WPOfficer@Woolworths.com.au](mailto:WPOfficer@Woolworths.com.au).

## Cara membuat laporan Speak Up Pembekal

- **Telefon**

- |               |   |
|---------------|---|
| ○ Australia   | 1800 772 173 (Speak Up Pembekal)  |
| ○ Australia   | 1800 4GROCERY (1800 447623) (talian pelaporan Tatakelakuan Barang Runcit) |
| ○ New Zealand | 0800 393 76736  |
| ○ Hong Kong   | 800-96-0016   |
| ○ China       | 400-6-612-693   |
| ○ India       | 000-117; apabila digesa, tekan (844) 476-9151                             |
| ○ Thailand    | 1800-013-018  |

- **Dalam talian**

[WoolworthsSpeakUpMalay.ethicspoint.com](http://WoolworthsSpeakUpMalay.ethicspoint.com)



<b>Perubahan Dasar</b>	Dasar ini boleh diubah pada bila-bila masa dan tidak membentuk sebahagian daripada kontrak pekerjaan mana-mana pekerja.
<b>Tarikh diluluskan:</b>	25 November 2019
<b>Tarikh kuat kuasa:</b>	20 Disember 2019
<b>Yang bertanggungjawab:</b>	Ketua Pegawai Undang-undang (CLO)
<b>Hubungi:</b>	<a href="mailto:GroupCompliance@woolworths.com.au">GroupCompliance@woolworths.com.au</a>
<b>Dasar-dasar yang berkaitan:</b>	Dasar Speak Up Pekerja
<b>Penerbitan</b>	Dasar ini akan disediakan melalui tapak Internet Woolworths Group dan pautan di portal pembekal

## Tambahan A - Perlindungan undang-undang di bawah Akta Perbadanan dan Akta Cukai Australia

Di Australia, anda boleh membuat “pendedahan terlindung” jika:

1. anda “pemberi maklumat yang layak”;
2. anda membuat pendedahan terus kepada orang atau entiti yang layak menerima pendedahan terlindung; dan
3. anda mempunyai sebab yang munasabah untuk mengesyaki bahawa pendedahan anda itu berkenaan dengan “hal yang perlu didedahkan”.

Pendedahan terlindung juga merupakan pendedahan maklumat kepada pengamal undang-undang dengan tujuan mendapatkan nasihat undang-undang atau khidmat guaman mengenai kendalian peruntukan pendedahan maklumat dalam Akta Perbadanan dan Akta Cukai.

Apabila anda membuat “pendedahan terlindung”, anda akan layak mendapat perlindungan undang-undang yang sepatutnya di bawah Akta Perbadanan atau Akta Cukai (jika berkenaan) mulai waktu anda membuat pendedahan itu, di samping perlindungan yang berhak anda terima di bawah dasar ini jika anda menggunakan Speak Up Pembekal. Anda layak menerima perlindungan ini walaupun anda membuat pendedahan tanpa memberitahu nama anda, dan walaupun anda atau penerima tidak tahu bahawa pendedahan tersebut layak mendapat perlindungan. Perlindungan juga akan diberikan jika pendedahan yang anda buat itu akhirnya tidak dapat disahkan, asalkan anda mempunyai sebab yang munasabah untuk mengesyaki orang yang didedahkan itu sewaktu anda membuat pendedahan tersebut.

Harap maklum bahawa perlindungan ini tidak memberi anda kekebalan terhadap sebarang salah laku anda yang terbongkar oleh pendedahan tersebut ataupun yang diketahui kemudian.

### A. Bagaimakah cara saya membuat pendedahan terlindung?

Syarat-syarat membuat pendedahan terlindung pada atau selepas 1 Julai 2019 di bawah Akta Perbadanan atau Akta Cukai dibentangkan di bawah ini:

#### 1. Anda mestilah “pemberi maklumat yang layak”

“Pemberi maklumat yang layak” yang boleh membuat pendedahan terlindung di bawah undang-undang pemberi maklumat Australia ialah sesiapa sahaja yang sedang atau pernah memikul peranan yang berikut sehubungan dengan salah sebuah syarikat Woolworths Group Australia:

- a. pegawai;
- b. pekerja;
- c. orang yang membekalkan barang atau perkhidmatan, dan pekerja pembekal (sama ada berbayar ataupun tidak);
- d. orang yang menjadi sekutu syarikat;
- e. sama ada:
  - sehubungan dengan Akta Perbadanan, pasangan hidup atau saudara, tanggungan, ataupun tanggungan kepada pasangan hidup mana-mana orang di atas ini; atau
  - sehubungan dengan Akta Cukai, pasangan hidup, anak, tanggungan, ataupun pasangan hidup kepada tanggungan mana-mana orang di atas ini.

2. Anda mesti membuat pendedahan kepada orang yang diberi kuasa menerima pendedahan terlindung

Perkhidmatan Speak Up bukan cara yang dibenarkan untuk membuat pendedahan terlindung.

*Membuat laporan di dalam lingkungan Woolworths Group*

Woolworths Group menggalakkan agar pendedahan terlindung mula-mula dibuat kepada salah seorang Pegawai Pendedahan Terlindung yang dilantik di bawah ini.

Gelaran	Nama	Alamat E-mel	Telefon
Ketua Pegawai Manusia	Caryn Katsikogianis	PD4CPO @woolworths.com.au	1800 PD4CPO (1800 734 276)
Ketua Pegawai Undang-undang	Bill Reid	PD4CLO @woolworths.com.au	1800 PD4CLO (1800 734 256)
Ketua Pegawai Kewangan	Stephen Harrison	PD4CFO @woolworths.com.au	1800 PD4CFO (1800 734 236)

Walau bagaimanapun, jika anda tidak berasa sedap hati melaporkan sesuatu hal kepada salah seorang di atas ini, pendedahan terlindung boleh juga dibuat kepada Woolworths Group melalui salah seorang yang berikut, melalui e-mel atau telefon:

- a. pegawai atau pengurus kanan di mana-mana syarikat Woolworths Group Australia;  
 Perhatian: '*pegawai turut merangkumi pengarah atau setiausaha syarikat di Woolworths; 'Pengurus kanan' ialah orang yang mampu mempengaruhi sekurang-kurangnya bahagian Woolworths yang cukup besar melalui keputusan yang dibuatnya, ataupun yang cukup berkuasa untuk mempengaruhi kedudukan kewangan Woolworths dengan ketara.*
- b. juruaudit atau anggota pasukan audit yang menjalankan audit terhadap salah sebuah syarikat Woolworths Group; atau
- c. aktuari di salah sebuah syarikat Woolworths Group.

Selain perkara-perkara di atas ini, bagi pendedahan di bawah Akta Cukai:

- mana-mana pekerja atau pegawai lain di salah sebuah syarikat Woolworths Group yang memikul peranan atau tugas yang berkait dengan hal ehwal percukaian syarikat Woolworths Group tersebut; atau
- ejen percukaian yang berdaftar atau ejen BAS yang memberikan khidmat sebagai ejen percukaian atau perkhidmatan BAS kepada salah sebuah syarikat Woolworths Group.

Perkhidmatan Speak Up bukan cara yang dibenarkan untuk membuat pendedahan terlindung.

*Membuat laporan di luar lingkungan Woolworths Group*

Sungguhpun Woolworths menggalakkan pemberi maklumat yang layak agar membuat pendedahan secara dalaman, namun pemberi maklumat yang layak juga boleh membuat pendedahan terlindung di bawah Akta Perbadanan kepada Suruhanjaya Sekuriti dan Pelaburan

Australia (ASIC), Lembaga Peraturan Cermat Australia (APRA) atau salah sebuah pihak berkuasa Komanwel yang ditentukan.

Pemberi maklumat yang layak juga boleh membuat pendedahan terlindung di bawah Akta Pentadbiran Cukai kepada Pesuruhjaya Percukaian.

Perkhidmatan Speak Up bukan cara yang dibenarkan untuk membuat pendedahan terlindung.

#### *Pendedahan kepada pengamal undang-undang*

Di bawah Akta Perbadanan dan Akta Cukai, pendedahan maklumat kepada pengamal undang-undang dengan tujuan mendapatkan nasihat undang-undang atau khidmat guaman sehubungan dengan peruntukan pendedahan maklumat dalam undang-undang itu juga merupakan pendedahan terlindung.

#### *Pendedahan kepentingan awam*

Terdapat suatu lagi kategori pendedahan bernama ‘pendedahan kepentingan awam’ yang layak dilindungi di bawah Akta Perbadanan sahaja. Pendedahan ini boleh dibuat kepada wartawan dan ahli Parlimen, tetapi hanya jika pemberi maklumat yang layak itu mematuhi keperluan tegas yang berikut:

- a. pemberi maklumat yang layak mestilah terlebih dahulu membuat pendedahan kelayakan di bawah Akta Perbadanan kepada ASIC, APRA atau salah satu pihak berkuasa Komanwel yang ditentukan;
- b. sekurang-kurangnya 90 hari telah berlalu sejak pendedahan kelayakan itu dibuat;
- c. pemberi maklumat yang layak itu tidak mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa tindakan sedang atau telah diambil untuk menangani hal-hal yang berkait dengan pendedahan kelayakan tersebut;
- d. pemberi maklumat yang layak itu mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa pendedahan kepentingan awam yang dibuat itu adalah demi kepentingan awam;
- e. setelah 90 hari berlalu, pemberi maklumat yang layak itu mesti memberi badan yang mula-mula menerima pendedahan kelayakan itu, pemberitahuan bertulis yang:
  - i. merangkumi maklumat yang secukupnya untuk mengenal pasti pendedahan kelayakan yang berkenaan; dan
  - ii. menyatakan bahawa pemberi maklumat yang layak itu berhasrat membuat pendedahan kepentingan awam; dan
- f. maklumat yang didedahkan melalui pendedahan kepentingan awam itu tidak boleh melebihi had yang perlu sahaja untuk memberitahu wartawan atau ahli Parlimen yang berkenaan tentang salah laku atau keadaan hal ehwal yang tidak wajar, atau kelakuan lain yang terangkum oleh skop Skim Perlindungan Pemberi Maklumat.

#### *Pendedahan kecemasan*

Terdapat suatu lagi kategori pendedahan bernama ‘pendedahan kecemasan’ yang layak dilindungi di bawah Akta Perbadanan sahaja. Pendedahan ini boleh dibuat kepada wartawan dan ahli Parlimen, tetapi hanya jika pemberi maklumat yang layak itu mematuhi keperluan tegas yang berikut:

- a. pemberi maklumat yang layak mestilah terlebih dahulu membuat pendedahan terlindung di bawah Akta Perbadanan kepada ASIC, APRA atau salah satu pihak berkuasa Komanwel yang ditentukan;
- b. pemberi maklumat yang layak itu mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa maklumat tersebut melibatkan bahaya yang cukup besar dan pasti akan berlaku terhadap kesihatan atau keselamatan seseorang atau beberapa orang, ataupun terhadap alam sekitar;
- c. pemberi maklumat yang layak itu telah memberikan notis kepada badan yang menerima pendedahan kelayakan tersebut, yang:
  - i. menyatakan bahawa dia berhasrat hendak membuat pendedahan kecemasan; dan
  - ii. merangkumi maklumat yang secukupnya untuk mengenal pasti pendedahan kelayakan yang berkenaan; dan
- d. maklumat yang didedahkan melalui pendedahan kecemasan itu tidak boleh melebihi had yang perlu sahaja untuk memberitahu wartawan atau ahli Parlimen yang berkenaan tentang bahaya yang cukup besar dan pasti akan berlaku itu.

Sebelum membuat pendedahan kepentingan awam atau pendedahan kecemasan, pemberi maklumat yang layak mesti memahami kriteria perlindungan di bawah undang-undang yang berkenaan.

### 3. Pendedahan anda mesti berkenaan dengan “hal yang perlu didedahkan”

Pendedahan jenis maklumat yang tertentu sahaja layak menerima perlindungan di bawah undang-undang pemberi maklumat Australia.

Maklumat dianggap sebagai “hal yang perlu didedahkan” di bawah Akta Perbadanan jika pemberi maklumat yang layak itu mempunyai sebab yang munasabah untuk mengesyaki bahawa maklumat yang didedahkan itu:

- a. membabitkan salah laku atau keadaan hal ehwal yang tidak wajar sehubungan dengan salah sebuah syarikat Woolworths Group. Salah laku boleh merangkumi
  - a. kelakuan yang menyalahi undang-undang oleh Woolworths Group, misalnya mencuri, mengedar atau menggunakan dadah, melakukan atau mengugut akan melakukan keganasan, dan merosakkan harta benda;
  - b. menipu, mengubah wang haram atau menggelapkan wang;
  - c. menghulurkan atau mengambil sogokan;
  - d. salah nyata atau ketidakteraturan kewangan;
  - e. gagal mematuhi atau melanggar keperluan undang-undang atau peraturan; dan
  - f. melibatkan diri atau mengugut untuk melibatkan diri dengan kelakuan yang membawa mudarat terhadap seseorang yang telah membuat pendedahan ataupun terhadap seseorang yang dipercayai atau disyaki telah atau bercadang hendak membuat pendedahan.
  - g. kecuaian,
  - h. pecah amanah dan gagal menunaikan tugas (bukan sahaja kelakuan diri seseorang);
- b. menunjukkan bahawa salah sebuah syarikat Woolworths Group atau mana-mana pekerja atau pegawai telah melibatkan diri dengan kelakuan yang:
  - i. menjadi suatu kesalahan terhadap, atau yang bertentangan dengan, peruntukan mana-mana akta yang berikut:
    - Akta Perbadanan;

- Akta Suruhanjaya Sekuriti dan Pelaburan Australia 2001;
- Akta Perbankan 1959;
- Akta Sektor Kewangan (Pengutipan Data) 2001;
- Akta Insurans 1973;
- Akta Insurans Hayat 1995;
- Akta Perlindungan Kredit Pengguna Kebangsaan 2009;
- Akta Industri Persaraan (Penyeliaan) 1993;
- ii. menjadi suatu kesalahan terhadap mana-mana undang-undang Komanwel lain yang boleh dikenakan hukuman penjara sekurang-kurangnya 12 bulan;
- iii. menimbulkan bahaya terhadap orang awam ataupun terhadap sistem kewangan; atau
- iv. ditentukan oleh mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta Perbadanan.

Kecuali dalam keadaan yang tertentu, kilanan peribadi yang berkait dengan kerja tidak terlindung oleh Akta Perbadanan melainkan hal tersebut berkait dengan pemangsaan (lihat seksyen 3 bahagian B di bawah ini).

Pendedahan dianggap sebagai ‘kilanan peribadi yang berkait dengan kerja’ jika:

- a. pendedahan itu membabitkan pekerjaan pemberi maklumat tersebut dan dia sendiri merasai implikasinya; dan
- b. maklumatnya:
  - i. tidak menyebabkan implikasi yang ketara bagi sesebuah syarikat Woolworths Group Australia, maupun bagi entiti terkawal yang lain, yang tidak berkait dengan pemberi maklumat yang layak itu; dan
  - ii. tidak membabitkan kelakuan, ataupun kelakuan yang didakwa, yang dirujuk dalam perkara 3(b) Tambahan ini di atas ini.

Antara contoh kilanan peribadi yang berkait dengan kerja yang tidak layak mendapat perlindungan ialah:

- pemberi maklumat yang layak itu bersengketa dengan orang lain di tempat kerja;
- pemberi maklumat yang layak itu (sahaja) sedang dibuli;
- pemberi maklumat yang layak itu secara tidak sengajanya dibayar kurang sebanyak sekali;
- pemberi maklumat yang layak itu dikenakan tindakan tatatertib atau tidak dinaikkan pangkat; atau
- apa-apa hal yang tidak menyebabkan implikasi yang ketara terhadap Woolworths Group secara keseluruhannya kecuali hal itu berkait dengan kejadian pemberi maklumat yang layak itu dijadikan mangsa kerana pernah membuat pendedahan terlindung.

Kilanan peribadi yang berkait dengan kerja mungkin masih layak mendapat perlindungan jika:

- perkara tersebut berkait dengan hal yang perlu didedahkan dan juga dengan kilanan peribadi yang berkait dengan kerja (iaitu, pendedahan campuran); atau
- pemberi maklumat yang layak itu mendapatkan nasihat undang-undang atau khidmat guaman mengenai kendalian perlindungan untuk pemberi maklumat di bawah Akta Perbadanan.

Maklumat dianggap sebagai “hal yang perlu didedahkan” di bawah Akta Cukai jika:

- a. pemberi maklumat yang layak itu mempunyai sebab yang munasabah untuk mengesyaki bahawa maklumat tersebut membabitkan salah laku atau keadaan hal ehwal yang tidak

- wajar sehubungan dengan hal ehwal percukaian salah sebuah syarikat Woolworths Group atau sekutu kepada salah sebuah syarikat Woolworths Group; atau
- b. pemberi maklumat yang layak itu merasakan bahawa maklumat tersebut boleh membantu penerima yang layak melaksanakan peranan atau tugas sehubungan dengan hal ehwal percukaian salah sebuah syarikat Woolworths Group atau sekutu kepada salah sebuah syarikat Woolworths Group.

## **B. Apakah perlindungan undang-undang yang akan saya dapat jika saya membuat pendedahan terlindung?**

Jika anda telah membuat pendedahan terlindung di bawah undang-undang pemberi maklumat Australia, maka perlindungan yang digariskan dalam dasar ini akan diberikan di samping perlindungan undang-undang tambahan yang berikut:

### 1. Perlindungan daripada Tindakan Undang-undang

Pemberi maklumat yang layak yang membuat pendedahan terlindung di bawah undang-undang pemberi maklumat Australia terlindung daripada tindakan undang-undang yang tertentu sehubungan dengan perbuatannya membuat pendedahan tersebut, termasuk:

- tindakan sivil, jenayah dan pentadbiran (termasuk tatatertib) terhadap pemberi maklumat itu; dan
- tindakan berkontrak, termasuk penamatan kontrak, atas alasan bahawa perbuatan membuat pendedahan dianggap sebagai pelanggaran kontrak.

Maklumat yang didedahkan sebagai sebahagian daripada pendedahan terlindung, sama ada kepada:

- ASIC, APRA atau pihak berkuasa Komanwel yang ditentukan, di bawah Akta Perbadanan; atau
- Pesuruhjaya Percukaian, di bawah Akta Pentadbiran Percukaian, tidak akan diterima sebagai bukti terhadap pemberi maklumat itu dalam prosiding jenayah mahupun dalam prosiding untuk mengenakan hukuman, kecuali bagi prosiding yang berhubung dengan kepalsuan maklumat.

### 2. Perlindungan identiti diri anda

Jika anda membuat pendedahan terlindung, dan dengan berbuat demikian, anda mendedahkan identiti diri anda (atau maklumat yang besar kemungkinannya membolehkan diri anda dikenal pasti), seseorang itu tidak dibenarkan mendedahkan identiti diri anda mahupun maklumat yang boleh mengenal pasti diri anda tanpa persetujuan anda (tertakluk kepada pengecualian yang dinyatakan di bawah ini).

Jika pemberi maklumat yang layak tampil membuat pendedahan terlindung, besar kemungkinannya pemberi maklumat yang layak itu akan diminta supaya bersetuju membenarkan identiti dirinya didedahkan. Langkah ini akan memudahkan penyiasatan dan/atau penyelesaian hal tersebut. Jika persetujuan tidak diberikan, pendedahan tersebut mungkin tidak dapat disiasat dan dijawab dengan secukupnya (atau sama sekali).

Jika pemberi maklumat yang layak tidak bersetuju membenarkan identiti dirinya didedahkan, undang-undang masih membenarkan identitinya didedahkan kepada:

- ASIC, APRA, AFP atau Pesuruhjaya Percukaian (sehubungan dengan pendedahan terlindung di bawah Akta Cukai);

- pengamal undang-undang untuk tujuan mendapatkan nasihat undang-undang atau khidmat guaman mengenai pendedahan tersebut; atau
- badan yang ditentukan oleh Peraturan Perbadanan.

Undang-undang juga membenarkan pendedahan maklumat (selain identiti diri anda) yang anda berikan, yang boleh menyebabkan identiti diri anda diketahui jika sewajarnya perlu untuk menyiatis isu-isu yang dibangkitkan. Dalam keadaan begini, kami akan mengambil segala langkah yang berpatutan untuk melindungi identiti diri anda.

ASIC, APRA atau AFP boleh mendedahkan identiti pemberi maklumat yang layak ataupun maklumat yang besar kemungkinannya boleh mengenal pasti diri pemberi maklumat yang layak itu, kepada pihak berkuasa Komanwel, Negeri atau Wilayah untuk membantu pihak berkuasa tersebut melaksanakan peranannya atau tugasnya.

Seperti yang dinyatakan dalam kandungan Dasar, pendedahan boleh dibuat tanpa memberitahu nama. Pendedahan sedemikian masih boleh dilindungi di bawah Akta Perbadanan atau Akta Cukai.

Woolworths Group berusaha melindungi kerahsiaan identiti pemberi maklumat yang layak, antara lainnya dengan cara:

- menyimpan maklumat tentang sesuatu pendedahan itu dengan selamat;
- menyembunyikan identiti pemberi maklumat dalam dokumen-dokumen yang berkenaan; dan
- hanya mendedahkan identiti pemberi maklumat kepada mereka yang mempunyai keperluan yang sah untuk mengetahuinya, tertakluk kepada persetujuan pemberi maklumat.

### 3. Larangan terhadap pemangsaan

Menjadi suatu kesalahan di sisi undang-undang jika seseorang atau sebuah syarikat:

- melakukan sesuatu yang menyebabkan atau akan menyebabkan mudarat; atau
- mengugut untuk menyebabkan mudarat (sama ada yang nyata, tersirat, bersyarat atau tanpa syarat),

terhadap pemberi maklumat yang layak atau orang lain kerana pelaku atau pengugut itu mempercayai atau mengesyaki bahawa orang yang satu lagi ini atau orang ketiga telah, mungkin telah, bercadang hendak atau boleh membuat pendedahan terlindung. Begitu juga jika kepercayaan/syak itu hanya sebahagian daripada sebab tindakan tersebut diambil.

“Mudarat” merangkumi pemecatan, tindakan tatatertib, gangguan, diskriminasi, kerosakan harta benda, kerosakan reputasi dan jenis-jenis kerosakan lain terhadap seseorang. “Mudarat” tidak merangkumi tindakan pentadbiran yang berpatutan untuk melindungi diri anda daripada mudarat (contohnya apabila pendedahan itu berkait dengan salah laku di kawasan kerja anda sendiri).

Tanggungjawab melindungi diri anda daripada mudarat juga tidak menghalang Woolworths Group daripada tugas menguruskan prestasi kerja yang kurang memuaskan.

Setiap pendedahan terlindung dinilai sebaik-baik sahaja diterima untuk menentukan risiko mudarat terhadap diri anda atau orang lain yang disebutkan dalam laporan tersebut. Tindakan yang sewajarnya diambil untuk mengurangkan risiko ini, dan untuk memastikan layanan yang adil terhadap mereka yang disebutkan dalam pendedahan tersebut, termasuk penjawabnya.

Untuk melindungi diri anda daripada risiko mudarat, penerima yang layak telah dilatih untuk memastikan bahawa mereka sedar akan tanggungjawab mereka, iaitu menjaga kerahsiaan diri anda dan memastikan anda tidak dijadikan mangsa kerana membuat pendedahan tersebut. Selain itu, Woolworths Group boleh, mengikut keadaan, memberitahu anda melaksanakan tugas anda di lokasi lain atau dalam peranan lain pada pangkat yang sama, atau membuat pengubahsuaian lain pada tempat kerja anda atau pada cara anda melaksanakan tugas kerja anda, atau menukar tugas atau menukar lokasi kakitangan lain yang terlibat dengan hal yang perlu didedahkan itu.

Woolworths Group akan menyiasat dakwaan tingkah laku sedemikian, dan hukuman dan/atau tindakan tatatertib mungkin dikenakan kerana melakukan mana-mana perbuatan yang dirujuk di atas ini. Sesiapa yang terlibat dengan pelanggaran tersebut boleh dipertanggungjawabkan. Jika mudarat didapati berlaku, Woolworths Group mungkin, mengikut keadaan, memberitahu anda mengambil cuti panjang, menyusun rancangan kemajuan kerjaya yang lain atau menawarkan pampasan atau penyelesaian lain.

Jika anda percaya bahawa anda telah ditimpa atau terancam oleh mudarat, dengan cara yang bertentangan dengan undang-undang pemberi maklumat Australia, anda boleh

- kemukakan pendedahan terlindung selanjutnya dengan mengikuti langkah-langkah yang dinyatakan di atas ini
- kemukakan laporan Speak Up untuk tujuan ini (harap maklum bahawa pendedahan yang dikemukakan kepada perkhidmatan Speak Up bukan pendedahan terlindung),
- hubungi Pegawai Perlindungan Pemberi Maklumat (WPO) Woolworths, melalui alamat e-mel [WPOOfficer@Woolworths.com.au](mailto:WPOOfficer@Woolworths.com.au). WPO bertindak di luar proses penyiasatan, dan diperlengkapkan untuk mengkaji atau mengutarakan kekhuitaran anda.

#### *Perintah Mahkamah*

Mahkamah diberi bidang kuasa yang luas untuk mengeluarkan perintah bagi menangani mudarat yang berlaku atau yang diugut. Antaranya ialah injunksi, perintah pampasan (termasuk terhadap pekerja dan majikannya), pengembalian jawatan, ganti rugi teladan dan permohonan maaf. Larangan sivil dan jenayah juga boleh dikenakan terhadap pelanggaran Akta Perbadanan dan Akta Cukai.

#### **C. Mengendalikan dan menyiasat pendedahan**

Jika pendedahan terlindung dibuat, pendedahan itu akan diserahkan kepada Pengurus Speak Up Woolworths Group atau wakilnya, tertakluk kepada keperluan kerahsiaan yang mungkin dikenakan.

Pendedahan terlindung akan disiasat dengan cara yang sama seperti pendedahan lain yang dibuat di bawah Dasar ini. Rangka masa penyiasatan pendedahan terlindung berbeza-beza, bergantung pada jenis dan skop yang diperlukan. Walau bagaimanapun, Woolworths Group berhasrat menyelesaikan penyiasatan dengan seberapa cepat yang boleh.

Jika bersesuaian, Woolworths Group akan melaporkan hasil siasatan kepada Ketua Pegawai Undang-undang. Kaedah mendokumenkan dan melaporkan hasil siasatan bergantung pada jenis pendedahan dan keadaannya. Laporan hasil siasatan akan memenuhi syarat-syarat kerahsiaan yang berkenaan.

## Tambahan B – Perlindungan Undang-undang di New Zealand

New Zealand menggunakan undang-undang pemberi maklumatnya sendiri, iaitu *Akta Pendedahan Terlindung 2000 (undang-undang NZ)*, yang menggariskan syarat-syarat yang melayakkan pendedahan maklumat yang anda buat itu sebagai ‘pendedahan terlindung’ dan perlindungan undang-undang tambahan yang akan anda dapat jika anda membuat pendedahan terlindung di New Zealand.

### **Bolehkah saya membuat pendedahan terlindung?**

Anda boleh membuat pendedahan terlindung mengenai Woolworths di bawah undang-undang NZ jika anda:

- pekerja Woolworths;
- bekas pekerja Woolworths;
- orang yang dipinjamkan kepada Woolworths; atau
- orang yang diambil berkhidmat atau yang diberi kontrak di bawah kontrak perkhidmatan untuk melakukan kerja bagi pihak Woolworths.

### **Adakah pendedahan terlindung saya dilindungi di bawah undang-undang NZ?**

Pendedahan anda akan dilindungi jika:

- maklumat yang didedahkan itu berkenaan dengan salah laku yang serius di Woolworths atau oleh Woolworths;
- anda sewajarnya percaya bahawa maklumat itu benar atau besar kemungkinannya benar; dan
- anda mahukan salah laku yang serius itu disiasat.

‘Salah laku yang serius’ merangkumi mana-mana satu yang berikut:

- tindakan yang dilakukan, tindakan yang sengaja ditinggalkan atau aliran tindakan yang menimbulkan risiko yang serius terhadap kesihatan awam atau keselamatan awam atau alam sekitar.
- tindakan yang dilakukan, tindakan yang sengaja ditinggalkan atau aliran tindakan yang menimbulkan risiko yang serius terhadap pemeliharaan undang-undang, termasuk tugas mencegah, menyiasat dan mengesan kesalahan dan hak mendapat perbicaraan yang adil; dan
- tindakan yang dilakukan, tindakan yang sengaja ditinggalkan atau aliran tindakan yang merupakan suatu kesalahan.

### **Bagaimakah cara membuat pendedahan terlindung?**

Untuk membuat pendedahan terlindung, anda mesti mendedahkan maklumat dengan cara yang digariskan oleh Woolworths dalam dasar ini.

Orang yang berikut telah dilantik sebagai penerima utama pendedahan terlindung bagi Woolworths New Zealand untuk tujuan Akta Pendedahan Terlindung:

Gelaran	Nama	Alamat E-mel	Telefon
Ketua Peguam, Woolworths New Zealand	James Radcliffe	<a href="mailto:PD4GENC@countdown.co.nz">PD4GENC@countdown.co.nz</a>	0800 PD4GENC (0800 734436)
Pengurus Besar Sumber Manusia, Woolworths New Zealand	Pauline d'Unienville	<a href="mailto:PD4GMHR@countdown.co.nz">PD4GMHR@countdown.co.nz</a>	0800 PD4GMHR (0800 734464)

Jika anda telah membuat pendedahan maklumat secara terlindung di New Zealand, maka perlindungan mengenai laporan Speak Up Pembekal yang digariskan dalam dasar ini akan diberikan kepada anda di samping perlindungan undang-undang tambahan yang berikut:

1. Kilanan Peribadi

Jika anda telah membuat pendedahan terlindung, undang-undang NZ memberikan perlindungan daripada tindakan balas, contohnya dipecat.

2. Kekebalan terhadap prosiding sivil dan jenayah

Jika anda telah membuat pendedahan terlindung, undang-undang NZ menghalang prosiding sivil, jenayah atau tatatertib dikenakan terhadap anda atas sebab anda telah membuat pendedahan terlindung.

3. Kerahsiaan

Undang-undang NZ mewajibkan agar pendedahan terlindung dirahsiakan. Setiap orang, yang menerima laporan atau rujukan pendedahan terlindung, mesti sedaya upayanya tidak mendedahkan maklumat yang mungkin akan mengenal pasti diri anda, kecuali:

- anda bersetuju secara bertulis untuk membenarkan pendedahan maklumat tersebut; atau
- pendedahan maklumat yang boleh mengenal pasti diri anda itu perlu untuk menyiasat kekhawatiran anda dengan berkesan, ataupun perlu untuk mencegah risiko yang serius terhadap kesihatan awam atau keselamatan awam atau alam sekitar; atau
- pendedahan maklumat yang boleh mengenal pasti diri anda itu perlu setelah mengambil kira prinsip-prinsip keadilan semula jadi.